

Publication: Sinar Harian

Date: 21 June 2017

Headline: Enovax terima Anugerah Perkhidmatan IT



## Enovax terima Anugerah Perkhidmatan IT

ENOVAX Pte Ltd (Enovax), penyedia penyelesaian perniagaan teknologi maklumat (IT) yang diambil alih PUC Founder (MSC) Berhad (PUC), menerima Anugerah Perkhidmatan IT, pada Singapore Business Review National Business Awards 2017, baru-baru ini.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif PUC, Cheong Chia Chou berkata, kejayaan Enovax itu bakal menggerakkan PUC ke era baharu inovasi.

"Matlamat kami adalah untuk memperkasakan individu bagi menjalani kehidupan lebih mudah

dan memanfaatkan potensi teknologi sebagai elemen penting dalam gaya hidup mereka seharian dan perniagaan.

"Kami teruja dengan anugerah ini kerana ia menandakan komitmen kami untuk terus membina portfolio produk dan menawarkan penyelesaian inovasi kepada pelanggan dalam memenuhi permintaan perniagaan," katanya dalam satu kenyataan.

Pada tahun lalu, Enovax pernah menerima Anugerah Jenama yang Meyakinkan pada Anugerah Jenama Prestij Singapura 2016.



Chia Chou (dua, kiri) dan Ketua Pegawai Eksekutif Enovax yang juga Ketua Pegawai Teknologi Kumpulan PUC, Erwin Foo merakam kenangan dengan trofi kemenangan anugerah yang diterima Enovax.